

Bahasa Melayu roh nasionaliti, nadi negara

Bahasa adalah prasyarat penting untuk nasionaliti, lebih-lebih lagi apabila bahasa itu adalah bahasa negara. Hakikat ini tidak disedari oleh banyak pihak, termasuklah golongan pemimpin. Oleh itu, sering kali juga pemimpin melakukan perkara yang bertentangan dengannya. Antaranya tidak membabitkan bahasa negara ketika memupuk semangat kebangsaan dalam usaha pembentukan negara bangsa.

Perkara sama didapati lebih berleluasa dalam kalangan rakyat biasa. Mereka tidak banyak mengetahui konsep negara yang antaranya merangkumi gagasan penting seperti nasionaliti selain nasionalisme. Justeru sesetengah kenyataan mengenai bahasa negara memperlihatkan kefahaman sifar dan pengetahuan herot kaitan penting antara bahasa dan negara.

Sehubungan bahasa negara sebagai syarat penting dalam nasionaliti, iaitu kesatuan rakyat yang mendukung semangat kebangsaan yang sama, pemimpin perlu berikhtiar bersungguh-sungguh untuk menggemblengkan ikatan kenegaraan mengenai hal ini dalam kalangan semua kaum di Malaysia.

Ikatan ini tidak perlu mengam-bil bentuk baharu. Ia boleh menggunakan konsep rakyat Malaysia sedia ada, yang diuar-uarkan kali pertama dalam Wawasan 2020 dan dalam Gagasan 1Malaysia. Konsep ini sebenarnya adalah antara kaedah terbaik untuk mewujudkan komuniti nasional yang diidam-idamkan. Ia juga gerakan nasionalis unggul, untuk sama ada memupuk semangat kebangsaan mahupun patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kuasai bahasa Melayu

Ikatan bangsa Malaysia itu hendaklah wujud dalam diri semua rakyat dan menguasai bahasa Melayu yang juga bahasa negara, dengan baik. Dengan ini, kecekapan tinggi dalam bahasa negara adalah antara tunjang budaya penting dalam nasionaliti Malaysia, yakni cara hidup utama sebagai warganegara dari segi kebahasaan.

Nilah rancangan kesatuan yang perlu diusahakan dalam membina komuniti nasional yang bergelar rakyat Malaysia. Secara teori penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan semua rakyat, dituntut daripada setiap warganegara.

Namun, akan ada mereka yang tidak mempunyai kecekapan yang dikehendaki. Walaupun begitu, mereka ini perlu dipastikan memiliki semangat dan kesanggupan untuk mengetahui dan menguasainya dengan lebih baik.

Dengan kata lain, mereka ini perlu senantiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa Melayu.

Kesedaran kebangsaan mengenai peri pentingnya bahasa Melayu kepada nasionaliti Malaysia, hendaklah dipupuk pada usia muda lagi melalui sistem pendidikan negara. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, yang bermula daripada pendidikan prasekolah, ia dibina dan digiatkan melalui dua aspirasi pelajar, iaitu kemahiran dwibahasa dan identiti nasional.

Melalui kemahiran dwibahasa dalam bentuk Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperku-kuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), pelajar dididik untuk bukan sahaja menghormati dan mendaulatkan bahasa Melayu selaku bahasa negara.

Pelajar juga dipastikan menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa terpenting pada tahap terbaik agar dapat bersaing di persada dunia dengan baik.

Pengikat semua kaum

Melalui identiti nasional, pelajar bukan sahaja dipastikan boleh berbahasa Melayu dengan fasih, ia juga menentukan pelajar mempunyai perasaan bangga, sayang dan setia kepada bahasa Melayu sebagai lambang negara, selain bahasa Melayu selaku pengikat semua kaum sebagai rakyat Malaysia.

Sesungguhnya dua aspirasi adalah kualiti budaya yang tinggi nilainya dalam usaha kita meng-gagaskan nasionaliti Malaysia, yang perlu mengambil kira peranan penting bahasa negara. Dalam gagasan ini, bahasa Melayu sebagai bahasa negara adalah indeks nasionaliti Malaysia yang bukan sahaja paling kuat, tetapi juga yang paling afdal.

Dalam hal ini, bahasa Melayu adalah jiwa kepada nasionaliti Malaysia. Hal ini bukan sahaja tidak dapat disangsikan lagi, malah ia jelas terpancar dalam bahasa Melayu, selain dilindungi dengan amat kuat olehnya. Setelah dihemati dengan cermat, bahasa Melayu sebenarnya adalah roh kepada nasionaliti Malaysia.

Oleh itu, bahasa Melayu adalah semangat yang tidak boleh dikesamping dalam negara ini. Di dalamnya terdapat akal, ekspresi, emosi serta segala macam yang lain tentang nasionaliti Malaysia.

Dengan semua ini, bahasa Melayu bukan sahaja unsur penting dalam nasionaliti Malaysia, ia sebenarnya juga nadi negara.



TEO KOK SEONG